



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PPA1M BUKIT JALIL MEMBERI PELUANG KEPADA PENJAWAT AWAM MEMILIKI RUMAH KEDIAMAN SENDIRI

KUALA LUMPUR, 8 April 2015 – Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Aset Kayamas Sdn. Bhd melaksanakan **Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Bukit Jalil Kuala Lumpur**. Ini merupakan PPA1M yang pertama di Kuala Lumpur. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

2. PPA1M adalah salah satu inisiatif pihak kerajaan bagi membantu penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman yang mampu dimiliki dan berkualiti di kawasan bandar. Kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah di bawah Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) termasuk perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bagi tempoh lima tahun akan datang atau sehingga menjelang tahun 2020 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sebanyak 50,000 unit rumah akan dibina di Kuala Lumpur, 20,000 unit di Putrajaya dan 10,000 unit Labuan.

3. Harga jualan bagi PPA1M telah ditetapkan antara RM150,000 hingga RM300,000 mengikut keluasan lantai minimum tidak kurang dari 1000 kaki persegi hingga 1434 kaki persegi. Lokasi PPA1M ini adalah berdekatan dengan lebuh raya, stadium Bukit Jalil dan pelbagai kemudahan sukan serta berhampiran dengan LRT Bukit Jalil. Ini bakal menjadikan nilai unit kediaman di sini mempunyai *value* yang tinggi di pasaran. Terdapat 3 kategori saiz yang ditawarkan dalam projek PPA1M Bukit Jalil ini iaitu kategori pertama adalah berkeluasan 1000 kaki persegi dengan harga tawaran adalah RM150,000 seunit, kategori kedua berkeluasan 1200 kaki

persegi dengan tawaran harga RM260,000 seunit serta kategori ketiga pula berkeluasan 1432 kaki persegi yang dijual pada harga RM300,000 seunit.

4. Sebanyak 6826 permohonan telah diterima sejak 22 Januari hingga 28 Februari 2015. Daripada jumlah tersebut, 4269 adalah layak dan telah diluluskan melalui beberapa saringan mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Jumlah keseluruhan unit yang ditawarkan adalah sebanyak 1536 di PPA1M Bukit Jalil ini yang turut disediakan dengan kemudahan satu unit petak parking kereta percuma bagi setiap unit rumah yang ditawarkan manakala baki sebanyak 2733 pemohon akan dibawa ke sesi seterusnya. Terdapat juga kemudahan-kemudahan awam lain yang disediakan seperti kemudahan taska, dewan serbaguna dan surau. Kemudahan klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia juga dijangka akan dibina di kawasan perumahan ini. Setiap projek PPA1M yang dibina juga adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun. Ini bermakna setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh 10 tahun moratorium tersebut.

5. Melalui pelaksanaan PPA1M ini akan memberikan kelebihan kepada para penjawat awam yang selama ini tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri terutamanya di kawasan bandar. Ini menunjukkan Kerajaan Malaysia merupakan sebuah Kerajaan yang amat prihatin dengan kehendak rakyat meliputi penjawat awam sendiri yang merupakan sebahagian daripada tulang belakang kepada negara.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
8 APRIL 2015**